

# Pahang dalam keadaan bersiap sedia

**KUANTAN 8 Dis.** - Kerajaan negeri berada dalam keadaan bersiap sedia bagi menghadapi banjir ekoran gelombang kedua Monsun Timur Laut yang dijangka berlaku bulan ini sehingga Januari depan.

Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, pelbagai keperluan seperti bekalan makanan telah dihantar ke pusat pemindahan sementara yang dikenal pasti dan pangkalan hadapan di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, negeri ini dijangka berdepan dengan hujan lebat bermula 16 Disember hingga minggu pertama Januari tahun depan.

"Kita telah menghantar kira-kira 16,000 unit kit keperluan awal untuk diserahkan kepada mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan di seluruh negeri dan penambahan akan dilakukan berdasarkan kepada keperluan.

"Pembekuan cuti kepada anggota penguat kuasa tempatan juga masih berjalan bermula 15 November lalu hingga 15 Januari ini, bagaimanapun ketua jabatan boleh



**MUHAMMAD SAFIAN ISMAIL (dua dari kiri) dilirungi Fadzilla Salleh (kiri) ketika menyampaikan Anugerah Cabaran 101 Inovasi 2017 kepada Kumpulan Kekuda dalam Majlis Penutup Minggu Inovasi Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN**

mempertimbangkan sebarang kelulusan sekiranya keadaan cuaca mengizinkan," katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Perasmian Penutupan Minggu Inovasi Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini semalam.

Yang hadir sama Yang Dipertua

MPK, Datuk Fadzilla Salleh.

Sementara itu, Muhammad Safian berkata, kerajaan negeri memberi tempoh kepada Jabatan Perhutanan negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan Yayasan Negeri bagi menyiapkan kertas kerja cadangan

*Utusan Malaysia*  
9/12/2017  
pemuliharaan Hutan Merapoh, Lipis sebelum Febuari ini.

Kata beliau, cadangan pemuliharaan Hutan Merapoh daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri akan diteliti oleh PKPP dan Yayasan Pahang bersama Jabatan Perhutanan negeri.